



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL KUALA LUMPUR

## KENYATAAN MEDIA

### PENJELASAN BERHUBUNG KESESAKAN DI KLINIK PAKAR OFTALMOLOGI, HOSPITAL KUALA LUMPUR

Hospital Kuala Lumpur (HKL) memandang serius terhadap perkongsian di media sosial berhubung pengalaman pesakit di Klinik Pakar Oftalmologi pada 27 April 2026 dan menghargai keprihatinan masyarakat mengenai isu ini.

Klinik ini merupakan pusat rujukan utama yang mengendalikan kes-kes mata termasuk yang kompleks, dengan sekitar 480 temu janji pesakit sehari serta purata 70 kes rujukan baharu. Bagi memastikan aliran perkhidmatan lebih teratur, sistem temu janji berperingkat telah dilaksanakan. Sekiranya pesakit hadir mengikut slot yang ditetapkan, purata masa menunggu selepas pendaftaran adalah sekitar 30 hingga 45 minit, sebelum menjalani prosedur lanjut seperti pemeriksaan dan pengembangan anak mata (dilate). Keseluruhan tempoh rawatan boleh mengambil masa antara 4 hingga 6 jam bergantung kepada keperluan klinikal.

Seiring dengan usaha menambah baik pengalaman pesakit, beberapa langkah telah dan sedang diambil bagi memperbaiki keadaan semasa, antaranya:

- a) Pengoperasian klinik secara berterusan termasuk waktu tengah hari melalui sistem penggiliran petugas;
- b) Pengoptimuman penjadualan temu janji berperingkat;
- c) Penambahbaikan aliran pesakit di klinik bagi mengurangkan kesesakan.

HKL juga ingin memohon kerjasama semua pesakit untuk mematuhi waktu temu janji yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran perkhidmatan dan keselesaan bersama. Pihak pengurusan HKL komited untuk terus menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan dan amat menghargai setiap maklum balas yang diterima.

-TAMAT-

**DATO' DR. HARIKRISHNA K.R. NAIR**  
**PENGARAH**  
**HOSPITAL KUALA LUMPUR**  
**28 APRIL 2026**

